



Kejar impian sambung belajar

WOU sedia peluang buat Nurliza

Oleh Basir Zahrom
 basir@bharian.com.my

WANITA kebiasaannya akan memilih kerjaya yang tidak begitu teknikal, kurang lasak dan berisiko serta sesuai dengan faktor fizikal mereka.

Bagaimanapun, gadis kelahiran Pulau Pinang, Nurliza Zainul Abidin, 22, memilih untuk tidak mengikut paten pekerjaan biasa dan mempunyai impian untuk bergelar juruteknik yang mempunyai kelulusan ijazah.

Anak sulung daripada tiga beradik itu kini sedang mengikuti Ijazah Teknologi Elektronik Perdagangan di Wawasan Open University (WOU) dan mahu terus menyambung pengajian sama pada peringkat sarjana.

Beliau membulatkan tekad untuk menyambung pelajaran ke peringkat pengajian tinggi dalam tempoh berkerja apabila sedar mengenai lonjakan dalam kerjayanya jika mempunyai kelayakan lebih tinggi.

Nurliza mula bekerja sebagai juruteknik memperbaiki produk di sebuah syarikat multinasional di Sungai Ara sejak November tahun lalu selepas berjaya menamatkan pengajian dalam Diplo-

ma Kejuruteraan Elektronik dari salah sebuah kolej politeknik tempatan.

Katanya, program elektronik perdagangan di WOU adalah pilihan yang tepat untuk meneruskan pengajian asas bidang teknologi maklumat dan elektronik yang dipelajari ketika di peringkat diploma.

“Di sini, saya mengikuti tiga mata pelajaran untuk semester Julai tahun ini iaitu pengaturcaraan visual, pengurusan komputer serta kemahiran penulisan lanjutan untuk pengajian universiti.

“Bagi saya belajar sambil berkerja bukanlah satu bebanan terutama apabila mengikuti pengajian di WOU, malah ia tidak merunsingkan atau menambah tekanan dalam kerjaya. Yuran yang dikenakan lebih murah berbanding universiti lain selain suasana di universiti ini juga baik,” katanya.

Beliau bersyukur kerana menerima geran pengajian di WOU yang membolehkannya mengambil sehingga tiga kursus lima jam kredit untuk semester ini kerana tanpa bantuan itu ia adalah satu perkara agak mustahil.

“Walaupun buat masa ini

saya perlu bekerja selama 12 jam sehari, saya tidak kisah untuk belajar di rumah ketika cuti, malah turut serta dalam perbincangan kumpulan dengan rakan kuliah melalui akses portal pelajar WOU.

“Kehidupan sebagai pelajar di WOU sangat menyenangkan dan saya kini bijak membahagikan masa antara kerjaya dan pelajaran tanpa rasa tertekan.

“Sokongan ibu bapa dan rakan juga membantu saya untuk meneruskan percaturan untuk berjaya menyandang jawatan pengurusan selepas menamatkan pengajian sarjana di WOU kelak,” katanya.

Golongan bekerja yang berusaha untuk kenaikan pangkat atau mendapatkan peluang kerjaya lebih baik digalakkan mengikuti pengajian di WOU seperti Nurliza semua berpeluang mendapatkan bantuan pembiayaan melalui geran pengajian yang mana ia memberi subsidi kepada yuran semester pertama.

WOU mengalu-alukan kemasukan pelajar baru pada sesi pengambilan semester Januari 2010 untuk permohonan geran pengajian dan mengikuti mana-mana 12 prog-

ram ijazah. Bagaimanapun, mereka yang mempunyai ijazah tidak layak mendapatkannya.

Pemohon mestilah warga negara Malaysia dengan pendapatan kurang RM3,000 jika masih bujang, pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,000 untuk mereka yang sudah berkahwin.

Bantuan kewangan itu menunjukkan WOU sebagai sebuah universiti yang mahu menjadikan pendidikan lebih fleksibel dengan yuran berpatutan untuk pelbagai lapisan masyarakat.

Permohonan untuk geran pengajian dibuka hingga 20 Disember depan dan kepada yang berminat, sila muat turun borang di laman web www.wou.edu.my

Maklumat lanjut sila hubungi khidmat pelanggan WOU di talian 1-300-88-WOU (968) atau datang terus ke pejabat cawangan di Pulau Pinang (04-2633323), Kuala Lumpur (03-92817323), Ipoh (05-2436323), Johor Bahru (07-5564323), Petaling Jaya (03-76297223), Kota Bharu (09-7487323) dan terbaru di Kuching (082-578923) yang baru beroperasi pertengahan bulan ini.



Berita Harian
26-Oct-2009
Page: 5
Supplements
By: Basir Zahrom
Region: Malaysia
Circulation: 300000
Type: Malaysia - Malay Newspapers
Size: 359.57 sq.cms
Frequency: MTWTFS



“Kehidupan sebagai pelajar di WOU sangat menyenangkan dan saya kini bijak membahagikan masa tanpa tertekan”

Nurliza Zainul Abidin
Pelajar WOU